

>> BERITA > NASIONAL > Penjawat awam digesa bangkit, bersatu hati

Penjawat awam digesa bangkit, bersatu hati

TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN || 26 Ogos 2021



Gambar hiasan.

PUTRAJAYA - Penjawat awam digesa segera bangkit dan bersatu hati untuk terus berjuang dalam peperangan menentang Covid-19.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman berkata, perubahan yang berlaku kini menuntut penjawat awam mengamalkan norma baharu dalam kehidupan.

"Walau bagaimanapun, peperangan melawan pandemik ini telah menyebabkan tekanan, ketidakstabilan emosi, keletihan pandemik dan sebagainya yang kadang kala melemahkan, kita perlu segera bangkit, saling berpaut, bersatu hati, bertahan dan terus berjuang," katanya.

Menurutnya, bertahan adalah tindakan terbaik di saat berhadapan dengan isu semasa.

"Hari ini, pepatah 'penjawat awam adalah tunjang negara' benar-benar terpateri," katanya.

Beliau berkata, menjadi tiang seri memerlukan penjawat awam untuk kekal utuh walau apa pun yang mendatang.

"Pandemik Covid-19 telah memberi impak yang besar kepada negara dari aspek ekonomi, politik dan sosial.

"Saya percaya hikmah yang kita pelajari daripada semua ini adalah ia mengukuhkan lagi semangat perpaduan kita," katanya.

